MALAYSIAN JOURNAL OF ACTION RESEARCH
2025, VOL. 2, NO. 1, 79-92
https://doi.org/10.61388/mjar.v2i1.7

EMPIRICAL

Teachers' views on the implementation of action research

Pandangan guru terhadap pelaksanaan kajian tindakan

Azlin Moktar[1*], Bity Salwana Alias[2] & Mohamad Sattar Rasul[3]

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia
[2]Pusat Kajian Kepimpinan dan Polisi Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
[3]Pusat Kajian Pembudayaan STEM, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

ARTICLE HISTORY
Received 21 October 2024
Accepted 25 January 2025
Published 2 September 2025

***CORRESPONDING AUTHOR**
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia
p133504@siswa.ukm.edu.my

KEYWORDS
Classroom-based action research; professional development; qualitative research; teachers' views; teaching and learning quality

KATA KUNCI
Kajian kualitatif; kajian tindakan berasaskan bilik darjah; kualiti pengajaran dan pembelajaran; pandangan guru; pembangunan profesionalisme

ABSTRACT
This study aims to explore teachers' views on the implementation of action research in schools and its impact on the quality of teaching and learning. A qualitative approach was employed, with data collected through semi-structured interviews involving four schoolteachers. Thematic analysis revealed that ongoing training, professional mentoring, and school management support are key dimensions in the successful implementation of action research. Hence, this study recommends that these dimensions be emphasised as guidelines to improve teacher participation in action research.

ABSTRAK
Kajian ini bertujuan untuk meneroka pandangan guru sekolah terhadap pelaksanaan kajian tindakan di sekolah serta kesannya terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan kualitatif digunakan, dan data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur terhadap empat orang guru sekolah. Hasil analisis tematik mendapati bahawa latihan berterusan, bimbingan profesional, dan sokongan pengurusan sekolah merupakan dimensi utama dalam melaksanakan kajian tindakan. Justeru, kajian ini mencadangkan agar dimensi-dimensi ini dijadikan sebagai panduan dalam meningkatkan pelibatan guru dalam kajian tindakan.

© 2025 Malaysian Action Research Network (MARNet)
This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives License (http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/), which permits use, distribution and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

Pengenalan

Kajian tindakan merupakan pendekatan reflektif dan sistematik yang bertujuan membantu guru memperbaiki amalan pengajaran (Muhammad *et al.*, 2024). Matlamat utama kajian tindakan dalam pendidikan adalah untuk membangunkan budaya penyelidikan di sekolah, membantu guru meningkatkan profesionalisme, serta memperbaiki mutu pengajaran secara berterusan (Tifanny & Roie, 2024; Kutty, 2022). Sebagai strategi berterusan, kajian tindakan melibatkan penilaian kritikal dan pelaksanaan langkah-langkah penambahbaikan secara sistematik untuk memperbaiki amalan pendidikan dan mencapai matlamat yang lebih berkesan (Messikh, 2020). Pelaksanaan yang seimbang membolehkan guru mempraktikkan penyelidikan dalam persekitaran mereka sendiri, seterusnya menyokong pembentukan budaya penyelidikan yang kukuh di sekolah (Arnold & Norton, 2018).

Pelaksanaan kajian tindakan membantu guru mengumpulkan dan menganalisis data bagi mengenal pasti isu pengajaran dan merancang pengajaran dan pembelajaran yang sesuai (Eddin Mortada, 2020; Lynch *et al.*, 2024; Shamsuddin & Abd Razak, 2024). Pendekatan ini juga menyokong pengembangan kemahiran pengajaran melalui pembelajaran profesional yang berterusan. Dalam konteks ini, pengurusan sekolah memainkan peranan penting dalam mengenal pasti amalan terbaik serta menyusun program latihan yang selaras dengan keperluan individu guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran (Komarudin & Hashim, 2024).

Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPPB) dibangunkan untuk meningkatkan profesionalisme guru dan pemimpin sekolah (KPM, 2014). Kajian tindakan dalam konteks ini memberi peluang kepada guru untuk mengenal pasti isu pengajaran dan mencari penyelesaian berdasarkan refleksi serta data yang kukuh. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kualiti pengajaran, tetapi juga memupuk budaya pembelajaran berterusan yang menyokong perkembangan profesional guru (Ramli & Hashim, 2023; Muzaffar *et al.*, 2023). Di samping itu, kajian tindakan membolehkan guru meneroka kaedah inovatif untuk memperbaiki amalan pengajaran, menyesuaikannya dengan keperluan murid, serta menyumbang kepada peningkatan profesionalisme secara keseluruhan (Ikram, 2023).

Pembangunan profesionalisme keguruan

Kajian tindakan telah dikenal pasti sebagai pendekatan penting dalam pembangunan profesionalisme guru serta peningkatan kualiti pengajaran serta pembelajaran. Namun, beberapa halangan mengurangkan penyertaan dan komitmen guru, termasuk kesedaran yang rendah terhadap manfaat kajian tindakan (Ag-Ahmad *et al.*, 2023; Widayati *et al.*, 2021) dan kekurangan sokongan daripada pemimpin sekolah dalam memupuk budaya tersebut (Adhikari, 2023; Nguyen *et al.*, 2022; Tindowen *et al.*, 2019). Tanpa kesedaran dan sokongan mencukupi, guru kurang terlibat dalam pelaksanaan kajian tindakan. Oleh itu, langkah strategik perlu diambil untuk meningkatkan kesedaran guru tentang kepentingan kajian tindakan serta memperkukuhkan peranan pemimpin sekolah dalam membina budaya penyelidikan di sekolah.

Jadual 1 menunjukkan cabaran dalam pelibatan guru terhadap pertandingan kajian tindakan dan inovasi di peringkat negeri dan kebangsaan. Data menunjukkan penurunan penyertaan guru, dengan sekolah rendah mencatatkan 48.44% penyertaan dalam Konvensyen Pendidikan Tahun 2021 tetapi hanya 37.5% dalam Karnival Merintis Revolusi Akademik Berinovasi 2023 (JPWPP, 2023). Penyertaan sekolah menengah juga menurun daripada 51.56% kepada 28.57% dalam tempoh yang sama. Penurunan ini disebabkan oleh kurangnya kesedaran terhadap manfaat kajian tindakan serta kekurangan sokongan dan pengiktirafan daripada pihak pengurusan sekolah, yang menjejaskan motivasi guru. Oleh itu, mengenal pasti amalan pengurusan yang efektif adalah penting untuk memupuk budaya kajian tindakan agar pelaksanaannya lebih meluas, berkualiti dan menyokong peningkatan profesionalisme guru.

© 2025 THE AUTHORS. Published by MARNet

Jadual 1
Data penyertaan guru sekolah rendah dan sekolah menengah Negeri A

Bil	Pertandingan	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah
1	Konvensyen Pendidikan Tahun 2021	31 penyertaan	32 penyertaan
2	Konvensyen Pendidikan Tahun 2022	25 penyertaan	18 penyertaan
3	Kolokium Inovasi Pendigitalan Pendidikan Tahun 2023	31 penyertaan	17 penyertaan
4	Karnival Merintis Revolusi Akademik Berinovasi 2023	6 penyertaan	4 penyertaan

Walaupun kajian tindakan semakin diiktiraf dalam pendidikan khususnya melalui institusi-institusi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, pelaksanaannya masih menghadapi kekurangan dari segi sokongan dan pelibatan guru. Kajian ini bertujuan untuk mengumpul maklumat asas bagi mengenal pasti dimensi yang mempengaruhi pelaksanaan kajian tindakan dalam kalangan guru, serta mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan untuk memaksimumkan impaknya terhadap pembangunan profesionalisme guru. Sehubungan itu, kajian ini menggariskan beberapa objektif kajian seperti berikut:

1. Mengenal pasti dimensi-dimensi yang mempengaruhi pelaksanaan kajian tindakan oleh guru.
2. Menganalisis kesan dimensi-dimensi tersebut terhadap keberkesanan pelaksanaan kajian tindakan oleh guru.
3. Mencadangkan strategi bagi mengatasi halangan dalam pelaksanaan kajian tindakan oleh guru.

Tinjauan literatur

Pemikiran reflektif dalam kajian tindakan

Teori pembangunan profesional menekankan pembelajaran berterusan sebagai asas peningkatan prestasi guru, dengan kajian tindakan menjadi pendekatan utama dalam proses ini. Konsep 'refleksi dalam tindakan' yang diperkenalkan oleh Schön (1987), seperti dalam Rajah 1 menekankan keperluan guru untuk sentiasa merefleksi amalan pengajaran mereka. Melalui kajian tindakan, guru dapat menilai dan memperbaiki amalan sedia ada, mengenal pasti kelemahan, serta membuat penyesuaian bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran. Proses refleksi berterusan ini menggalakkan budaya pembelajaran professional yang aktif dan inovatif, meningkatkan kualiti pembelajaran murid serta tahap profesionalisme guru (Mat Noor *et al.*, 2021). Melalui pengintegrasian konsep refleksi Schön dalam amalan kajian tindakan, sekolah dapat mencapai matlamat transformasi pendidikan yang menyeluruh, sekali gus meningkatkan kecemerlangan pendidikan dan pembangunan murid (Hisham & Kutty, 2021; Ramage, 2021).

Pengetahuan dan kemahiran penyelidikan

Kajian tindakan berfungsi sebagai pendekatan penting membantu guru mengasah kemahiran refleksi dan analisis pengajaran (Black, 2020). Melalui kajian tindakan, guru dapat menilai amalan pengajaran mereka dengan lebih mendalam, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan, serta mencari penambahbaikan untuk meningkatkan prestasi murid (Dewi & Khotimah, 2020; Ismail & Surat, 2024; Mertler, 2021). Proses ini mengukuhkan budaya pembelajaran berterusan di sekolah, dengan menekankan refleksi, inovasi, dan perkongsian pengetahuan (Coppe *et al.*, 2024; Subban, 2022; Nawab, 2021). Kajian tindakan juga memberi peluang kepada guru untuk menguji

Rajah 1

Teori Pembangunan Profesional (Pemikiran Refleksi) (diadaptasi daripada Schön, 1987)



pendekatan pengajaran baharu dan kreatif, memupuk budaya pembaharuan, serta meningkatkan amalan pembelajaran berterusan di sekolah (Hung, 2023; Krishnasamy, 2024).

Kajian tindakan dalam kalangan guru

Dalam konteks pembangunan profesional yang berterusan, kajian tindakan memainkan peranan penting dalam mengukuhkan budaya penyelidikan sekolah (Storen, 2024). Amalan penyelidikan berterusan ini menyokong peningkatan amalan dan memperkasa kemahiran penyelidikan dalam kalangan guru (Puspitasari *et al.*, 2021; Tindowen *et al.*, 2019). Sokongan pengurusan sekolah adalah penting untuk memastikan budaya penyelidikan yang kukuh, membolehkan guru terlibat aktif dalam kajian tindakan (Sirait *et al.*, 2022). Guru yang melaksanakan kajian tindakan cenderung mengaplikasikan kaedah pengajaran yang lebih inovatif dan efektif, meningkatkan pencapaian akademik serta perkembangan murid (Ebbie & Talip, 2021; Guzel Yuce & Doganay, 2021). Dalam konteks penggunaan teknologi, guru yang terlibat dalam kajian tindakan dapat menilai kesan aplikasi pembelajaran digital terhadap pencapaian murid dan menyempurnakan strategi pengajaran mereka berdasarkan bukti yang dikumpulkan (Cortes *et al.*, 2021).

Penggunaan media sosial dan aplikasi mudah alih memainkan peranan dalam meningkatkan kesedaran serta penyertaan guru dalam kajian tindakan untuk pembangunan profesional berterusan (Mat Noor *et al.*, 2021). Alat digital ini menyediakan platform yang memudahkan guru berkongsi amalan terbaik dan inovasi pengajaran secara lebih meluas, sekali gus mempercepatkan proses penambahbaikan amalan pengajaran. Namun, guru sering berhadapan dengan cabaran seperti kekangan masa dan beban kerja yang banyak, termasuk menghabiskan sukatan pelajaran serta menyediakan murid untuk peperiksaan (Radi, 2023; Amin & Hamzah, 2021). Cabaran ini boleh menyebabkan guru kurang memberi tumpuan terhadap kajian tindakan yang sepatutnya menjadi elemen penting dalam meningkatkan kualiti pengajaran. Oleh itu, adalah penting untuk mengatasi cabaran ini bagi memastikan kajian tindakan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan

© 2025 THE AUTHORS. Published by MARNet

menyumbang kepada pembangunan profesional guru secara berterusan.

Metodologi

Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui pengumpulan data secara temu bual yang mana penyelidik berperanan sebagai instrumen utama dalam mendalami isu yang dikaji (Creswell & Creswell, 2022). Pendekatan ini membolehkan penyelidik memperolehi maklumat terperinci mengenai pandangan guru terhadap pelaksanaan kajian tindakan dalam kalangan guru di Negeri A, termasuk pengalaman guru, pegawai Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), dan guru besar yang terlibat dalam kajian tindakan, serta cabaran yang dihadapi. Selain itu, reka bentuk ini membolehkan analisis mendalam terhadap konteks spesifik dan unik yang mempengaruhi pelaksanaan kajian tindakan dalam persekitaran pendidikan tempatan.

Peserta kajian

Kajian ini dijalankan di tiga buah Sekolah Kebangsaan (SK) di Negeri A, yang dipilih berdasarkan pelibatan guru-guru dari negeri tersebut dalam Konvensyen Kajian Tindakan yang diadakan (Jadual 1). Selain itu, ketersediaan sumber dan infrastruktur sekolah menjadi faktor utama pemilihan guru-guru di sekolah tersebut. Pemilihan peserta dilakukan melalui pensampelan bertujuan, melibatkan seorang pegawai yang menguruskan Konvensyen Kajian Tindakan di Negeri A, dua orang guru besar, dan seorang guru yang aktif dalam kajian tindakan. Semua guru mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya tiga tahun, dengan butiran demografi mereka diringkaskan dalam Jadual 2.

Jadual 2
Rumusan demografi peserta kajian

Peserta Kajian (PK)	Jantina	Umur	Bangsa	Tahun Perkhidmatan
PK1	Perempuan	51	Melayu	26
PK2	Perempuan	53	Melayu	28
PK3	Lelaki	32	Melayu	4
PK4	Perempuan	49	Melayu	25

Peserta terdiri daripada tiga wanita dan seorang lelaki berbangsa Melayu, berumur antara 32 hingga 53 tahun, yang memenuhi kriteria pemilihan iaitu memiliki kefahaman mendalam serta pengetahuan relevan berkaitan isu kajian (Merriam & Tisdell, 2016). Pendekatan ini memastikan kajian dapat memberikan perspektif bermakna terhadap pelaksanaan kajian tindakan di sekolah rendah. Tambahan lagi, pemilihan peserta ini membolehkan penyelidik memperoleh data berkualiti yang mencerminkan cabaran sebenar dalam melaksanakan kajian tindakan di persekitaran pendidikan tempatan.

Pengumpulan data

Data bagi kajian ini dikumpulkan melalui kaedah temu bual separa berstruktur bagi mendapatkan pandangan mendalam mengenai pengalaman dan fenomena sosial dalam persekitaran pendidikan (Nigel *et al.*, 2019). Dalam kajian ini, soalan temu bual disusun berdasarkan persoalan kajian yang meneliti pandangan guru terhadap pelaksanan kajian tindakan di sekolah (Creswell & Creswell, 2022). Antara soalan yang diajukan termasuk: (i) Apakah kepentingan dan manfaat kajian tindakan dalam konteks pengajaran anda?, (ii) Adakah anda mendapat sokongan atau menghadapi cabaran dalam melaksanakan kajian tindakan?, dan (iii) Apakah bentuk sokongan yang diterima oleh anda dari pihak pengurusan sekolah dalam melaksanakan kajian tindakan? Soalan-soalan ini dirancang untuk memahami pandangan guru sekolah dalam melaksanakan kajian tindakan.

Temu bual dilaksanakan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur dan dilaksanakan secara dalam talian melalui Google Meet, memudahkan peserta untuk mengambil

bahagian dengan selesa dan fleksibel. Setiap sesi berlangsung selama 30 hingga 45 minit dan dijalankan dalam Bahasa Melayu bagi memastikan peserta dapat berkomunikasi dengan lebih jelas dan selesa. Dengan keizinan peserta, sesi temu bual dirakam untuk tujuan dokumentasi, kemudian ditranskripsi secara verbatim. Proses transkripsi ini disahkan oleh peserta kajian bagi memastikan ketepatan data yang dikumpul, sekali gus meningkatkan kredibiliti dan kebolehpercayaan data. Selain itu, data ini memberikan gambaran yang lebih mendalam dan holistik mengenai cabaran serta sokongan yang dihadapi guru dalam melaksanakan kajian tindakan.

Penganalisisan data

Data temu bual dianalisis secara bertema berpandukan kerangka analisis tematik oleh Miles *et al.* (2018). Proses analisis melibatkan empat langkah utama: (i) membaca transkrip secara berulang untuk memahami data dan mencatatkan nota ringkas, (ii) mengekod teks yang relevan dengan membahagikan dan menandakan maklumat penting, (iii) mengumpulkan kod yang berkaitan di bawah tema yang serupa untuk memastikan konsistensi makna, dan (iv) mengenal pasti hubungan antara tema. Bagi memastikan ketepatan analisis, kaedah semakan rakan digunakan untuk mengesahkan tema dan subtema yang terbentuk, memberi peluang untuk pandangan kedua dan pengesahan hasil analisis oleh penyelidik.

Dapatan

Pelaksanaan kajian tindakan


Hasil analisis temu bual mengenal pasti tiga tema utama yang mempengaruhi pelaksanaan kajian tindakan oleh guru, iaitu (i) latihan dan bimbingan, (ii) komitmen terhadap perubahan, dan (iii) sokongan pengurusan, seperti yang digambarkan dalam Rajah 2. Tema-tema ini memberikan dapatan menyeluruh mengenai pandangan guru terhadap pelaksanaan kajian tindakan, sekali gus menjadi asas untuk memahami cabaran serta peluang dalam usaha meningkatkan amalan pengajaran di sekolah.

Latihan dan bimbingan

Latihan dan bimbingan merupakan dimensi penting dalam pelaksanaan kajian tindakan oleh guru di sekolah. Berdasarkan temu bual, peserta kajian menekankan keperluan sokongan berterusan

Rajah 2

Rumusan dimensi utama yang mempengaruhi pelaksanaan kajian tindakan



© 2025 THE AUTHORS. Published by MARNet

daripada pelbagai pihak seperti pengurusan sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Institut Perguruan Malaysia, dan pihak berkepentingan lain. Antaranya, JPN memainkan peranan penting dalam menyediakan taklimat berkaitan kajian tindakan, seperti yang dinyatakan oleh PK1, "*Pihak sekolah memang perlukan bimbingan dan kolaborasi untuk pelaksanaan kajian tindakan dari Jabatan Pendidikan Negeri.*" Kenyataan ini mencerminkan kebergantungan guru kepada pihak atasan dalam mendapatkan sokongan untuk menjalankan kajian tindakan dengan berkesan.

Selain itu, pelibatan guru dalam pelbagai inisiatif seperti konvensyen pendidikan dan projek inovasi turut membantu dalam meningkatkan kefahaman dan motivasi mereka terhadap kajian tindakan. PK3 menyatakan, "*Saya mula terlibat dengan inovasi dan KT sejak di IPG... Penyertaan kajian tindakan dan amalan terbaik baru dua kali penyertaan.*" Pengalaman ini menunjukkan bagaimana peluang yang disediakan oleh pihak pengurusan atau institusi pendidikan dapat menyokong perkembangan profesionalisme guru melalui pelaksanaan kajian tindakan.

Walau bagaimanapun, terdapat juga keluhan tentang kekurangan pendedahan kepada kajian tindakan bagi guru-guru subjek selain Pendidikan Agama Islam, seperti yang dinyatakan oleh PK2, "*Tahun 2020, 2021, kajian tindakan terlibat kepada guru Pendidikan Agama Islam. Kenapa guru subjek lain tiada pendedahan kajian tindakan?*" Hal ini menunjukkan ketidakseimbangan dalam penyertaan guru dari pelbagai bidang subjek dalam kajian tindakan, yang berpotensi menjejaskan penyebaran amalan kajian tindakan secara menyeluruh di sekolah.

Selain itu, kerjasama dan amalan kolaboratif seperti Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) juga disebut sebagai salah satu cara untuk memperkukuhkan bimbingan dalam pelaksanaan kajian tindakan. PK4 menyatakan bahawa "*PLC bersama-sama panitia subjek lain sebagai amalan kolaborasi,*" yang menekankan bahawa kolaborasi antara guru dalam pelbagai bidang subjek boleh mempermudah pelaksanaan kajian tindakan. Namun, PK1 turut mengingatkan bahawa bimbingan secara individu lebih mencabar, terutama dalam aspek pengumpulan data, seperti yang dinyatakan, "*kalau secara individu, sukar dilakukan terutama di bahagian kutipan data kajian.*"

Beberapa peserta kajian juga menzahirkan kebimbangan tentang kurangnya sokongan dan keterbukaan pihak sekolah dalam melaksanakan kajian tindakan. PK1 melaporkan bahawa "*ada pihak sekolah yang tidak terbuka, tidak memberi sokongan kepada pelaksanaan kajian tindakan di sekolah,*" merujuk kepada sekolah-sekolah yang gagal menghantar wakil untuk menghadiri taklimat kajian tindakan. Hal ini menunjukkan bahawa tanpa sokongan pengurusan yang aktif, pelaksanaan kajian tindakan di sekolah mungkin tidak dapat dijalankan dengan efektif.

Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa latihan dan bimbingan melibatkan pelbagai pihak sangat diperlukan untuk menyokong pelaksanaan kajian tindakan oleh guru. Tanpa sokongan yang mencukupi, guru mungkin tidak mendapat kemahiran atau keyakinan yang diperlukan untuk melaksanakan kajian ini secara efektif (Boharim, 2023). Oleh itu, peranan pengurusan sekolah dan organisasi pendidikan adalah kritikal dalam memastikan budaya kajian tindakan dapat diterapkan secara menyeluruh.

Komitmen terhadap perubahan

Komitmen terhadap perubahan merupakan tema penting yang dikenal pasti dalam kajian ini mencerminkan peranan besar dimensi dalaman seperti minat, motivasi, pandangan, pendedahan, dan penyertaan aktif guru dalam proses penyelidikan serta perubahan amalan pengajaran mereka. Komitmen ini menggambarkan keinginan guru untuk memperbaiki amalan pengajaran mereka melalui penyelidikan. PK1 menekankan, "*Ada guru yang lebih lima tahun sudah berkhidmat, masih berminat dibimbing untuk pelaksanaan kajian tindakan. Maka dia buat kajian tindakan.*" Ini menunjukkan bahawa meskipun guru tersebut sudah berpengalaman, keinginan untuk dibimbing dan memperbaiki amalan tetap wujud, mencerminkan motivasi berterusan untuk berubah.

Guru-guru muda dan baru berkhidmat pula didapati lebih cenderung untuk terlibat dalam kajian tindakan disebabkan oleh minat dan motivasi yang tinggi. PK2 mengesahkan ini dengan menyatakan bahawa, "*Guru-guru muda dan baharu*

berkhidmat yang terlibat dalam kajian tindakan adalah atas faktor motivasi dan minat mereka terhadap kajian tindakan." Ini menunjukkan pentingnya pendedahan awal terhadap kajian tindakan dalam membentuk budaya penyelidikan dan pembelajaran yang berterusan. Pelibatan awal ini dapat menyemai sikap positif dan kesediaan guru untuk melibatkan diri secara aktif dalam perubahan amalan pengajaran.

Namun, peserta kajian turut menyuarakan kebimbingan mengenai kekurangan pendedahan dan kefahaman terhadap tujuan sebenar kajian tindakan. PK2 menyatakan, "*Guru tidak diberi pendedahan berkaitan tujuan asal pelaksanaan kajian tindakan adalah untuk penyelesaian masalah PdP. Mereka minta latihan dan bimbingan*." Kekurangan pemahaman ini boleh mengehadkan keberkesanan pelaksanaan kajian tindakan, menekankan keperluan untuk latihan dan sokongan yang lebih menyeluruh kepada guru.

Selain itu, pengalaman peribadi dan pelibatan dalam pelbagai inisiatif seperti konvensyen pendidikan dan projek inovasi juga menjadi dimensi yang meningkatkan komitmen guru terhadap perubahan. PK3 menyatakan, "*Saya mula terlibat dengan inovasi dan KT sejak di IPG... Penyertaan kajian tindakan dan amalan terbaik baru dua kali penyertaan.*" Pengalaman ini bukan sahaja memberi motivasi kepada guru untuk terus terlibat dalam kajian tindakan tetapi juga memberi peluang untuk menyumbang secara lebih luas dalam inovasi pendidikan.

Secara keseluruhan, komitmen terhadap perubahan merupakan elemen asas dalam keberhasilan pelaksanaan kajian tindakan. Guru yang bermotivasi tinggi, didorong oleh minat dan sokongan yang tepat, dapat mewujudkan budaya penyelidikan yang dinamik dan progresif di sekolah. Sokongan yang bersesuaian, digabungkan dengan pendedahan yang mencukupi, dapat meningkatkan keberkesanan dan keterlibatan guru dalam kajian tindakan (Divonna *et al.*, 2023; Niswah, 2020).

Sokongan pengurusan

Sokongan pengurusan merupakan antara dimensi yang mempengaruhi kejayaan pelaksanaan kajian tindakan di sekolah. Tema ini menonjolkan peranan pihak pengurusan dalam menyediakan persekitaran yang kondusif dan menyokong guru untuk melibatkan diri dalam proses tersebut. Sokongan pengurusan yang baik dapat meningkatkan motivasi dan keberkesanan pelaksanaan kajian tindakan, manakala kekurangan sokongan boleh menjadi penghalang utama.

Beberapa peserta kajian menekankan bagaimana pengurusan boleh menjadi halangan apabila guru tidak diberikan peluang atau masa yang mencukupi untuk melaksanakan kajian tindakan. PK4 menyatakan, "*Masa juga sangat padat, banyak program adhoc dari Jabatan dan KPM sebagai kekangan.*" Ini menggambarkan bahawa jadual padat yang dipengaruhi oleh program-program luar boleh menjadi cabaran yang signifikan, sekali gus mengehadkan masa yang diperuntukkan oleh guru untuk terlibat dalam kajian tindakan.

Ketiadaan peringatan berkala atau sokongan yang berterusan dari pihak pengurusan juga disebut sebagai halangan oleh beberapa peserta kajian. PK4 menyatakan, "*Sepatutnya menjadi peranan GB dan pengurusan untuk sentiasa beritahu, ingatkan untuk laksanakan refleksi dan kajian tindakan.*" Hal ini menunjukkan bahawa peranan pentadbiran bukan sekadar memberi arahan, tetapi juga perlu bertindak sebagai pendorong dalam memastikan guru terus terlibat dalam proses refleksi dan kajian tindakan.

Terdapat juga kes di mana guru merasakan bahawa pihak pengurusan tidak memberi ruang atau peluang untuk mereka melaksanakan kajian tindakan, seperti yang dinyatakan oleh PK1, "*Pihak PGB menutup 'pintu' menyebabkan guru tidak diberi peluang.*" Ini memberi gambaran jelas bahawa kurangnya keterbukaan dari pihak pengurusan boleh menyebabkan peluang pembelajaran dan inovasi guru terhad.

Walaupun terdapat cabaran, sokongan pengurusan yang menyediakan sumber mencukupi seperti masa, dana, dan sokongan teknikal telah membantu memudahkan serta memperkasa pelaksanaan kajian tindakan, sekali gus mencipta suasana yang lebih kondusif untuk inovasi. Contohnya, PK1 menekankan bagaimana program Researcher-Industry Scientific Exchange (RISE) di sekolahnya telah membudayakan kajian tindakan sejak tahun 2018. "*Guru telah biasa dengan program RISE sejak 2018. Pembentangan amalan terbaik kajian*

© 2025 THE AUTHORS. Published by MARNet

tindakan peringkat sekolah setiap tahun telah menjadi satu pembudayaan KT." Ini menunjukkan bahawa di sekolah-sekolah di mana pihak pengurusan proaktif dalam menyediakan bimbingan dan peluang pembentangan, kajian tindakan menjadi sebahagian daripada amalan harian guru.

Tambahan lagi, PK2 mencadangkan bahawa sokongan dari pihak pengurusan boleh dihubungkan dengan insentif kerjaya, seperti pelaksanaan kajian tindakan sebagai prasyarat untuk kenaikan pangkat atau permohonan guru cemerlang. "*untuk guru yang nak naik gred, pihak pengurusan boleh buat satu kajian tindakan sebagai satu prasyarat kenaikan gred*." Ini menggambarkan bahawa sokongan yang berbentik insentif boleh menjadi motivasi tambahan kepada guru untuk melibatkan diri secara aktif dalam kajian tindakan.

Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan bahawa peranan pengurusan adalah penting dalam memacu atau menghalang pelaksanaan kajian tindakan di sekolah. Selain itu, di sekolah-sekolah yang mempunyai program seperti (RISE), kajian tindakan telah menjadi sebahagian daripada amalan hari guru. Contohnya, melalui pembentangan amalan kajian tindakan peringkat sekolah sejak 2018, budaya kajian tindakan berjaya dibudayakan, seperti yang dinyatakan oleh PK1. Guru memerlukan sokongan yang konsisten, termasuk bimbingan, pengiktirafan, dan ruang masa yang mencukupi, untuk memastikan kajian tindakan dapat dilaksanakan dengan berkesan (Rashid, 2023). Tambahan lagi, PK2 mencadangkan bahawa insentif kerjaya seperti menjadikan kajian tindakan sebagai prasyarat kenaikan pangkat atau permohonan guru cemerlang dapat memberikan motivasi tambahan kepada guru untuk lebih aktif melibatkan diri. Sokongan yang kukuh dari pihak pengurusan juga dapat membantu membudayakan amalan kajian tindakan sebagai sebahagian daripada inovasi pengajaran yang berterusan.

Perbincangan dan kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan kajian tindakan di sekolah dipengaruhi oleh tiga dimensi utama iaitu latihan dan bimbingan, komitmen terhadap perubahan, serta sokongan daripada pihak pengurusan.

Hasil kajian ini memberikan gambaran tentang aspek penting yang perlu diberi perhatian dalam melaksanakan kajian tindakan dan meneliti keperluan untuk mengurangkan jurang antara pemahaman, pelaksanaan, dan penyelesaian cabaran dalam pendidikan. Penemuan ini selaras dengan dapatan Norasmah dan Chia (2016), yang menekankan bahawa kekangan masa, beban kerja tinggi, dan kurangnya pemahaman tentang metodologi merupakan halangan utama pelaksanaan kajian tindakan. Selain itu, dapatan ini juga seiring dengan Mat Noor *et al.* (2023), yang menegaskan pentingnya kesahihan dan kualiti melalui pendekatan kolaboratif dan kontekstual untuk menyokong perubahan positif dalam komuniti. Pendekatan seperti bimbingan dan kolaborasi mampu meningkatkan kefahaman guru terhadap kajian tindakan serta memperkukuh pelaksanaannya sebagai amalan profesional. Kajian ini juga menekankan pentingnya peranan pentadbir sekolah dalam menggalakkan budaya penyelidikan melalui kajian tindakan. Latihan dan bimbingan yang berterusan adalah penting dalam memastikan guru memahami metodologi kajian tindakan dengan lebih baik. Sokongan pengurusan yang menyediakan masa, dana, dan bimbingan dapat mencipta suasana yang lebih kondusif untuk inovasi. Dalam konteks ini, Mat Noor *et al.* (2023) menggunakan analogi bahawa kesinambungan dan kualiti dalam kajian tindakan sama seperti penyediaan rendang, iaitu memerlukan usaha berterusan untuk menghasilkan hasil yang berkualiti dan relevan.

Melalui pengukuhan budaya penyelidikan ini, kesan kajian tindakan dapat difahami secara lebih mendalam, menyokong perkembangan pendidikan berasaskan bukti, serta memberi impak positif terhadap prestasi murid dan sekolah secara keseluruhan. Ini selaras dengan penemuan Tangkui *et al.* (2024), yang menunjukkan bahawa walaupun guru-guru di Malaysia memiliki pengetahuan asas mengenai kajian tindakan, terdapat keperluan untuk meningkatkan kefahaman mereka dalam aspek-aspek penting seperti pengenalan masalah, pengumpulan dan analisis data, serta pencarian literatur. Penemuan ini menyokong cadangan

kajian untuk menyediakan lebih banyak sokongan, latihan, dan sumber bagi membantu guru melaksanakan kajian tindakan dengan lebih berkesan, yang akhirnya dapat meningkatkan amalan pedagogi dan pencapaian murid.

Oleh itu, kajian ini menekankan pentingnya melibatkan semua pihak berkepentingan dalam menyediakan persekitaran yang menyokong pelaksanaan kajian tindakan di sekolah. Pelibatan guru dalam kajian tindakan dapat diperkukuhkan melalui usaha memperkenalkan budaya penyelesaian masalah, sistem mentor antara guru, dan pengiktirafan kepada guru yang berjaya melaksanakan kajian tindakan. Mat Noor *et al.* (2021) melalui kajian mereka, Pembangunan Profesional Berterusan dalam Talian (e-PPB) semasa pandemik COVID-19 membantu guru meningkatkan amalan pengajaran melalui penggunaan teknologi dalam talian dan kajian tindakan. Tambahan pula, penggunaan alat digital seperti media sosial dan aplikasi mudah alih dapat menyokong penyebaran amalan terbaik dalam kalangan guru. Ching dan Zainudin (2023) menunjukkan bahawa teknologi digital, seperti M-Pembelajaran, berkesan dalam meningkatkan pelibatan peserta dan memudahkan akses kepada bahan pembelajaran, yang dapat diaplikasikan untuk kajian tindakan guru.

Walau bagaimanapun, kekurangan latihan, bimbingan, komitmen terhadap perubahan, dan sokongan pengurusan telah menjejaskan penyertaan guru dalam kajian tindakan. Norasmah dan Chia (2016) mendapati cabaran utama dalam melaksanakan kajian tindakan termasuk beban kerja yang tinggi, kekangan masa, dan kurangnya pemahaman serta kemahiran guru terhadap metodologi kajian tindakan. Mereka mencadangkan strategi seperti program bimbingan, menjadikan kajian tindakan sebagai komponen wajib dalam tugas rasmi guru dan penganjuran seminar berkala untuk menggalakkan penyertaan guru. Penemuan ini ditekankan oleh Coghlan (2023), yang berpandangan bahawa cabaran seperti kekurangan kerangka kerja dan pengesahan amalan turut menjadi halangan dalam kajian tindakan dalaman. Coghlan (2023) juga menegaskan pentingnya dokumentasi amalan dan proses pembentukan teori untuk meningkatkan keberkesanan kajian tindakan. Pendekatan ini dapat memperkukuhkan pelaksanaan kajian tindakan dengan menyokong guru melalui struktur yang lebih sistematik dan pengiktirafan terhadap usaha mereka.

Oleh itu, cadangan kajian masa hadapan adalah untuk melaksanakan kajian menyeluruh bagi menilai sejauh mana pengurusan sekolah mempengaruhi pelaksanaan kajian tindakan oleh guru. Kajian ini boleh melibatkan soal selidik kepada guru untuk menilai tahap sokongan pengurusan dalam bentuk latihan, masa yang diperuntukkan, serta insentif yang diberikan. Hasil kajian masa hadapan diharapkan dapat memberikan dapatan yang lebih jelas mengenai hubungan antara sokongan pengurusan dan kejayaan pelaksanaan kajian tindakan di sekolah.

ORCID

Azlin Moktar
https://orcid.org/0009-0008-7469-1533
Bity Salwana Alias
https://orcid.org/0000-0001-8769-9341
Mohamad Sattar Rasul
https://orcid.org/0000-0001-9428-470X

Rujukan

1. Adhikari, N. P. (2023). Teachers' problems and concerns in teacher education. *Interdisciplinary Research in Education, 8*(1), 125-135. http://doi.org/10.3126/ire.v8i1.56732
2. Ag-Ahmad, N., Mohamed, A. T. F. S., & Bakar, E. W. (2023). Systematic review on issues and challenges of pre-service English teachers in Malaysia. *TEFLIN Journal-a Publication on the Teaching and Learning of English, 34*(1), 1. http://doi.org/10.15639/teflinjournal.v34i1/1-20
3. Amin, D. R. A., & Hamzah, M. I. M. (2021). Tahap amalan kepimpinan instruksional guru besar dan hubungannya dengan tahap komitmen guru. *Malaysian Journal of Social*

© 2025 THE AUTHORS. Published by MARNet

Sciences and Humanities, 6(2), 135-151. https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i2.648
4. Arnold, L., & L. Norton. (2018). *Action Research: Practice Guide*. Heslington: Higher Education Academy.
5. Black, G. L. (2020). Implementing action research in a teacher preparation program: Opportunities and limitations. *Canadian Journal of Action Research, 21*(2), 47071. https://doi.org/10.33524/cjar.v21i2.480
6. Boharim, M. (2023). Strategi sokongan perubahan untuk mengatasi tekanan emosi guru novis di sekolah [Change advocacy strategies to overcome emotional pressure of novice teachers in school]. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 8*(4), e002260. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2260
7. Ching, D. L. Y., & Zainudin, Z. (2023). The integration of M-Learning in a communication skills course for Peer Mentoring Group (PRS). *Malaysian Journal of Action Research*, *1*(1), 105–121. https://doi.org/10.61388/mjar.v1i1.9
8. Coghlan, D. (2023). Developing the practice of scholarship: The case of insider action research. *Malaysian Journal of Action Research, 1*(1), 4–10. https://doi.org/10.61388/mjar.v1i1.2
9. Coppe, T., Parmentier, M., Kelchtermans, G., Raemdonck, I., Marz, V., & Colognesi, S. (2024). Beyond traditional narratives about teacher professional development: A critical persepctive on teachers' working life. *Teaching and Teacher Education, 139*. https://doi.org/10.1016/j.tate.2023.104436
10. Cortes, S., Pineda, H., & Geverola, I. (2021). A confirmatory factor analysis of teacher's competence in action research questionnaire. *Advanced Education, 8*(19),103-113. https://doi.org/10.20535/2410-8286.241148
11. Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2022). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (6th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
12. Dewi, R., & Khotimah, S. H. (2020). Pengaruh Profesionalisme dan Disiplin Kerja Guru Terhadap Peningkatan Mutu Pendidikan di Sekolah Dasar [The influence of teacher professionalism and work discipline on improving the quality of education in primary schools]. *Elementary Islamic Teacher, 8*(2), 279-294. http://doi.org/10.31958/jaf.v8i2.1946
13. Divonna, M. S., Jo, A. H., Lauren, G., Jaime, K., Jenna, N., & Cathy, P. (2023). Teacher inquiry: A catalyst for professional development. *Journal for Teacher Research*, *24*(1), 1-26. https://doi.org/10.4148/2470-6353.1350
14. Ebbie, S., & Talip, R. (2021). Kompetensi profesionalisme guru dan kesannya terhadap efikasi pengajaran guru luar bandar Sabah [Competency of teacher professionalism and its impact on the teaching efficacy of rural teachers in Sabah]. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 6*(9), 241-253. https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.1000
15. Eddin Mortada, M. (2020). *Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan* [Research Methods in Education]. Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
16. Guzel Yuce, S., & Doganay, A. (2021). Developing a thinking culture in the classroom: A participatory action research. *Psycho-Educational Research Reviews, 10*(3). https://doi.org/10.52963/PERR_Biruni_V10.N3.10
17. Hisham, N., & Kutty, F. (2021). Hubungan antara tahap pelibatan guru novis di negeri Melaka dalam pembelajaran tidak formal melalui media sosial dengan pengurusan bilik darjah dan pengurusan emosi [Relationship between the level of participation of novice teachers in Malacca in informal learning through social media with classroom managementand emotional management]. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(7), 246-257. https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.855
18. Hung, T. (2023). Amalan kepimpinan instruksional guru besar dan hubungannya dengan tahap komitmen guru di daerah Barat Daya [Instructional leadership practices of

headmasters and their relationship with teachers commitment in Southwest district]. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 8*(4), e002237. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2237

19. Ikram, A. (2023). Action research as a fundamental practice for Moroccan EFL teachers' professional development. *RIMAK International Journal of Humanities and Social Sciences, 5*(1), 337-357. https://doi.org/10.47832/2717-8293.21.21
20. Ismail, K., & Surat, S. (2024). Kompetensi guru dan kemahiran metakognitif dalam pengajaran [Teacher competence and metacognitive skills in teaching]. *Jurnal Dunia Pendidikan, 6*(1), 222-236. https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.17
21. Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya [JPWPP] (2023). *Laporan Inovasi dan Kajian Tindakan Tahun 2021-2023*. Putrajaya: Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya.
22. Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM] (2014). *Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (Guru dan Pemimpin Sekolah) [Continuing Professional Development Plan (Teachers and School Leaders)]*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
23. Komarudin, F. M., & Hashim, Z. (2024). Amalan pengurusan pentadbir sekolah dan kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru di sekolah menengah kebangsaan [School administrator management practices and job satisfaction among teachers at national secondary schools]. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities,* 9(1), e002543. https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i1.2543
24. Krishnasamy, V. (2024). Pengaruh kepimpinan instruksional pemimpin pertengahan terhadap amalan komuniti pembelajaran profesional guru bahasa inggeris. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 9*(4), e002703. https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i4.2703
25. Kutty, F. M. (2022). Pengetahuan dan kemahiran penyelidikan dalam meningkatkan kompetensi dan profesionalisme guru: Perspektif guru siswazah. *Akademika*, *92*(3), 121-136. https://doi.org/10.17576/akad-2022-92IK1-10
26. Lynch, D., Vo, H., Yeigh, T., Marcoionni, T., Madden, J., & Turner, D. (2024). Action research communities as a whole-of-school teaching improvement initiative: A multi-method multi-informant study. *Australian Educational Researcher*, 1-30. https://doi.org/10.1007/s13384-024-00756-7
27. Mat Noor, M. S. A., Ahmad, S., & Zainudin, Z. (2023). Action research through the lens of the 'rendang' analogy. *Malaysian Journal of Action Research*, *1*(1), 35–44. https://doi.org/10.61388/mjar.v1i1.5
28. Mat Noor, M. S. A., Ahmad, S., & Zainudin, Z. (2021). Pembangunan Profesional Berterusan dalam Talian (e-PPB) berkaitan kajian tindakan semasa pandemik COVID-19 [Online Continuing Professional Development (e-CPD) on action research during the COVID-19 pandemic]. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan, 8*(4), 1–14.
29. Mat Noor, M. S. A., Jhee, Y. S., & Kamarudin, M. Z. (2023). An ongoing discussion about validity and quality in action research. *Malaysian Journal of Action Research*, *1*(1), 23–34. https://doi.org/10.61388/mjar.v1i1.4
30. Messikh, D. (2020). A systematic review of the outcomes of using action research in education. *Arab World English Journal, 11*(1), 482-488. https://doi.org/10.24093/awej/vol11no1.32
31. Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation* (4th ed.). San Francisco, CA: Jossey Bass.
32. Mertler, C. A. (2021). Action Research as Teacher Inquiry : A Viable Strategy for Resolving Problems of Practice. *Practical Assessment, Research, and Evaluation, 26*(19), 1-12. https://doi.org/10.7275/22014442

© 2025 THE AUTHORS. Published by MARNet

33. Miles, M. B., Huberman, A. M., & Saldaña, J. (2018). *Qualitative Data Analysis: A Methods Sourcebook* 9 (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
34. Muhammad, Y., Safdar, S. & Saif, S. (2024). Bridging theory and practice: Action research as a catalyst for educational reform in Pakistan. *Journal of Policy Research, 10*(2), 435-446. https://doi.org/10.61506/02.00253
35. Muzaffar, N., Nahid, S., & Abbas, M. (2023). Role of Professional Training of Teachers and its Relationship with Teaching Quality. *Global Educational Studies Review, 8*(1), 367-375. https://doi.org/10.31703/gesr.2023(VIII-I).32
36. Nawab, A. (2021). Using action research to initiate school-based teacher development activities: insights from Northern Sindh, Pakistan. *Educational Action Research*, *31*(2), 285–305. https://doi.org/10.1080/09650792.2021.1898430
37. Nguyen, M., Dao, P., & Iwashita, N. (2022). Nurturing teachers' research mindset in an inquiry-based language teacher education course. *Modern Language Journal, 106*(3), 599-616. https://doi.org/10.1111/modl.12795
38. Nigel, K., Horrocks, C., & Brooks, J. (2019). *Interviews in Qualitative Research*. London: Sage Publications.
39. Niswah, W. (2020). Analisis supervisi akademik kepala sekolah dan budaya sekolah terhadap kompetensi pedagogik guru SD di Kabupaten Demak [Analysis of school principals' academic supervision and school culture on primary school teachers' pedagogical competence in Demak regency]. *Jurnal Perempuan dan Anak Indonesia, 2*(1), 43. https://doi.org/10.35801/jpai.2.1.2020.31181
40. Norasmah, O., & Chia, S. Y. (2016). The challenges of action research implementation in Malaysian schools. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities, 24*(1), 43-52.
41. Puspitasari, Y., Widiati, U., Marhaban, S., Sulistyo, T., & Rofiqoh, R. (2021). The sustainable impacts of teacher action research on EFL teachers in Indonesia. *Studies in English Language and Education, 8*(3), 952-971. https://doi.org/10.24815/siele.v8i3.21388
42. Radi, N. (2023). Strategi dan cabaran pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza dalam kalangan guru di sekolah rendah [Strategies and challenges in differentiated learning approach among primary school's teachers]. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 8*(5), e002336. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2336
43. Ramage, M. (2021). Schön, Donald: Learning and change in his work – Reflection on theory and theory on reflection. In Szabla, D. B. (Eds.), *The Palgrave Handbook of Organizational Change Thinkers* (pp. 1541-1555). London: Palgrave Macmillan, Cham. https://doi.org/10.1007/978-3-030-38324-4_57
44. Ramli, R. & Hashim, M. (2023). Pengalaman pembimbing instruksional pendidikan dan latihan teknikal vokasional (PLTV) dalam menyokong refleksi pengajaran guru reka bentuk dan teknologi (RBT) [The experience of vocational technical education and training instructional mentors (TVET) in supporting the teaching reflection of design and technology teachers (RBT)]. *Journal for TVET Practitioners, 8*(1), 1-13. https://doi.org/10.30880/ojtp.2023.08.01.001
45. Rashid, I. (2023). Cabaran guru melaksanakan pendekatan bermain dalam PdP di prasekolah [The challenge of teachers implementing a play approach in PdP in preschool]. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 8*(6), e002204. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i6.2204
46. Schön, D.A. (1987). *Educating the Reflective Practitioner: Toward a New Design for Teaching and Learning in the Professions*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
47. Shamsuddin, F., & Abd Razak, A. Z. (2024). Penggunaan data dan cabarannya kepada pemimpin sekolah dalam membuat keputusan yang berkesan [The use of data and its

challenges for school leaders in making effective decisions]. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan, 11*(1), 1-15.

48. Sirait, J., Sijabat, O. P., Napitupulu, S., Simanjuntak, F. N., & Purba, Y. O. (2022). Elementary school principals' learning leadership and innovative behavior in using school-based management. *AL-ISHLAH: Jurnal Pendidikan, 14*(1), 167-176. https://doi.org/10.35445/alishlah.v14i1.1713
49. Storen, K. (2024). Action research and professional development in schools. *Nordic Journal of Comparative and International Education, 8*(1), 1-18. https://doi.org/10.7577/njcie.5535
50. Subban, S. (2022). Pelaksanaan e-pembelajaran dalam persekitaran sosial dan budaya di sekolah transformasi (TS25) di Malaysia [The implementation of e-learning in the social and cultural environment of transformation schools (TS25) in Malaysia]. *Innovative Teaching and Learning Journal*, *6*(1), 32-51. https://doi.org/10.11113/itlj.v6.89
51. Tangkui, R. B., Kadir, N. B., Linus, N. B., & Matsud, A. A. D. (2024). Pengetahuan dan kefahaman guru terhadap pelaksanaan kajian tindakan. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 12*(2), 1-12.
52. Tifanny, R. S. N., & Roie, M. U. (2024). Cultivating action research culture among Teachers. *International Journal of Multidisciplinary Research and Analysis*, 7(7), 3179-3194. https://doi.org/10.47191/ijmra/v7-i07-15
53. Tindowen, D. J., Guzman, J. D., & Macanang, D. (2019). Teachers' conception and difficulties in doing action research. *Universal Journal of Educational Research,* 7(8), 1787-1794. https://doi.org/10.13189/ujer.2019.070817
54. Widayati, A., MacCallum, J., & Woods-McConney, A. (2021). Teachers' perceptions of continuing professional development: a study of vocational high school teachers in Indonesia. *Teacher Development,* 25(5), 604-621. https://doi.org/10.1080/13664530.2021.1933159

© 2025 THE AUTHORS. Published by MARNet